

**GTP, NKRA bukan retorik – Muhyiddin  
Utusan Online  
23 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 22 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, inisiatif kerajaan menerusi pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bukan sesuatu yang retorik tetapi telah menunjukkan hasil.

Beliau berkata, program itu disediakan melalui bantuan kewangan segera termasuk merangka strategi jangka panjang bagi meringankan beban kos hidup rakyat ketika seluruh negara berdepan dengan tekanan ekonomi.

Jelas beliau, sebanyak RM36.7 bilion telah dibelanjakan untuk rakyat melalui pelbagai bentuk sumbangan termasuk secara tunai atau pemberian subsidi makanan dan petrol menerusi tujuh NKRA sepanjang 2010 hingga Julai tahun lalu.

"Inisiatif kerajaan ini bagaimanapun hanya dirasai oleh golongan tertentu sahaja.

"Jika anda bukan penduduk kampung, anda tidak akan menghargai apa yang telah dilaksanakan melalui program transformasi luar bandar.

"Begitu juga jika anda bukan pengguna pengangkutan awam atau tidak mempunyai anak di peringkat prasekolah, anda tidak akan nampak perubahan yang dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap ternaik bertajuk 'Program Transformasi Kerajaan: Mencapai kejayaan, menghadapi cabaran masa depan' pada majlis makan tengah hari bersama pemimpin korporat anjuran Institut Pengurusan Malaysia (MIM), di sini hari ini.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, biarpun kerajaan telah menguar-uarkan pencapaian positif GTP sepanjang tempoh dua tahun melalui media dan laporan tahunan namun ada di kalangan rakyat yang sinikal mengenai pencapaian itu.

Jelas beliau, dalam tahun pertama pelaksanaannya, ia telah mencapai 121 peratus kejayaan melibatkan pengurangan kadar jenayah, peningkatan kadar literasi dalam pendidikan dan penambahbaikan pengangkutan awam di bandar.

"Saya boleh lihat kehidupan rakyat kini telah berubah ke arah lebih baik. Sebagai contoh, di bawah program transformasi luar bandar, kerajaan telah membina 997 kilometer jalan dan menyalurkan air bersih dan terawat kepada 72,406 isi rumah.

"Bagi kawasan bandar pula, NKRA pengangkutan awam bandar dipastikan agar memenuhi keperluan rakyat melalui pelancaran 38 set Tren Enam Gerabak oleh Keretapi Tanah Melayu Bhd., membina terminal bas baru di Bandar Tasik Selatan dan Gombak serta membaik pulih stesen Puduraya bagi mengurangkan kesesakan penumpang," katanya.

Muhyiddin berkata, bagi pencapaian GTP sepanjang 2011 pula, ia akan diumumkan secara terperinci oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2 April ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0323&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0323&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm)

